

## **SURAT PERSETUJUAN, KEBENARAN DAN PENGAKUAN**

Kepada:

Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W) (alamat cawangan)

Per: Jaminan Bank\*/Surat Kredit\* untuk \_\_\_\_\_ Amaun: \_\_\_\_\_

- I. Atas persetujuan bank untuk menerbitkan, mempersetujui untuk menerbitkan dan/atau telah menerbitkan Jaminan Bank\*/Surat Kredit\* atas permintaan saya/kami (menurut permohonan dan indemnit\*\* yang dilampirkan dengan surat ini), saya/kami dengan ini memohon dan memberi kebenaran kepada bank untuk mendebit amaun yang tersebut di atas daripada satu atau lebih akaun saya/kami sebagai deposit tunai ("Tunai") bagi pembayaran yang akan dibuat oleh bank atau ejen bank atau sebagai wang yang akan digunakan oleh bank dalam atau untuk pembayaran atau untuk menampung sebarang jumlah wang yang perlu dibayar atau terhutang oleh saya/kami kepada bank dari semasa ke semasa berhubung dengan Jaminan Bank/Surat Kredit\* tersebut.
- II. Saya/Kami dengan ini selanjutnya memberi kebenaran kepada bank pada bila-bila masa, untuk mendebit satu atau lebih akaun saya/kami dengan bank sekiranya bank mengalami sebarang kerugian atau perbezaan dalam tukaran asing atau perbelanjaan yang disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi yang didebitkan terlebih dahulu di bawah perenggan sebelumnya untuk membayar obligasi saya/kami kepada bank berhubung dengan Jaminan Bank\*/Surat Kredit\* antara tarikh di mana akaun saya/kami didebitkan terlebih dahulu di bawah perenggan sebelumnya dan tarikh di mana saya/kami perlu membuat pembayaran balik kepada bank bagi bayaran yang dibuat oleh bank atau ejen bank di bawah Jaminan Bank\*/Surat Kredit\* tersebut, dan saya/kami seterusnya mengaku janji untuk menanggung rugi dan melindungi bank daripada segala liabiliti, kerosakan, caj pampasan, tuntutan, perbelanjaan, kos, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos guaman (contohnya yang berkaitan dengan mendapatkan pendapat mengenai liabiliti, pembayaran, pemulihan) yang mungkin ditanggung dan/atau dialami oleh bank dalam apa cara sekalipun berhubung dengan Jaminan Bank\*/Surat Kredit\* tersebut.
- III. Alliance Bank Malaysia Berhad (88103-W) ("bank") berhak menangguhkan pembayaran Tunai (atau sebahagiannya) atau untuk meneruskan litigasi terhadap pemohon Jaminan Bank\*/Surat Kredit\* sekiranya terdapat kemungkinan dalam sebarang pembayaran wang yang perlu dibayar dan terhutang oleh pemohon Jaminan Bank\*/Surat Kredit\* kepada bank atau oleh mana-mana pihak lain yang mana pemohon Jaminan Bank\*/Surat Kredit\* merupakan penjaminnya atau bertanggungjawab ke atasnya, atau pemohon Jaminan Bank\*/Surat Kredit\* mengancam untuk menghentikan perniagaannya atau terdapat petisyen pembubaran dikemukakan terhadap pemohon Jaminan Bank\*/Surat Kredit\* dan/atau subsidiarinya atau apabila salah satu rakan kongsi atau pengarah bagi pemohon atau bagi akaun yang berkaitan menerima perintah terhadapnya dan/atau dihukum bankrap, meninggal dunia atau menjadi tidak siuan.
- IV. Saya/Kami dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada bank untuk mengesahkan dengan dan/atau mendedahkan kepada mana-mana pihak yang dianggap wajar oleh Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada Unit Kredit Pusat Bank Negara Malaysia, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat Bank Negara Malaysia dan/atau mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, mana-mana institusi kewangan yang memberikan atau bertujuan memberikan sebarang kemudahan kepada saya/kami, mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-bank dalam Malaysia dan/atau mana-mana pihak lain, sebarang maklumat yang berkenaan atau berkaitan dengan saya/kami sama ada dari segi kewangan atau sebaliknya, akaun saya/kami dan/atau pengendaliannya bagi sebarang tujuan yang dianggap wajar oleh Bank tanpa memberikan notis mengenainya kepada saya/kami.
- V. Saya/Kami dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa sebarang data/maklumat (termasuk data peribadi) yang berkait dengan atau timbul daripada atau berhubung dengan permohonan saya/kami di bawah ini dan juga maklumat berkenaan hal ehwal saya/kami sama ada di bawah ini atau sebaliknya pada permohonan ini boleh disimpan, digunakan dan didedahkan oleh Bank bagi tujuan pemprosesan permohonan ini dan penyediaan perkhidmatan yang seterusnya untuk ini dan produk dan perkhidmatan lain dan/atau pemasaran langsung untuk berkomunikasi dengan saya/kami bagi tujuan tersebut.
- VI. Saya/Kami dengan ini mengesahkan dan mengakui yang berikut:-
  - (a) Bagi individu, syarikat pemilikan tunggal atau perkongsian or partnership:  
Tiada sesiapa di kalangan pasangan, ibu bapa, anak-anak, adik-beradik dan pasangan mereka dan/atau tanggungan dan/atau ejen dan penjamin saya merupakan pekerja Bank atau subsidiarinya dan/atau mempunyai pertalian dengan pengarah, pegawai atau kakitangan Bank atau subsidiarinya.
  - (b) Bagi syarikat, persatuan atau badan lain yang tidak termasuk dalam perenggan (a) di atas:  
Tiada sesiapa di kalangan pengarah, pengurus, pemegang saham yang mengawal (sama ada yang mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung) dan/atau ejen dan penjamin kami merupakan pekerja Bank atau subsidiarinya dan/atau mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank atau subsidiarinya, sama ada sebagai ibu bapa, pasangan, adik-beradik atau anak dan/atau tanggungan mereka kecuali yang dinyatakan dalam permohonan ini.
- VII. Saya/Kami seterusnya mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank dengan segera sekiranya wujud/terdapat perancangan untuk mewujudkan sebarang pertalian yang dinyatakan dalam perenggan (a) atau (b) di atas pada bila-bila masa.

(Penandatangan yang Dibenarkan & Cap Syarikat)

Tarikh

\* Potong sekiranya tidak berkenaan

\*\* Indemniti di sini adalah merujuk kepada Jaminan Bank sahaja